

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI OLEH PERDANA MENTERI MELALUI RADIO DAN TV MALAYSIA, PADA 27^{HB} OKTOBER, 1973

Saudara-saudara kaum Muslimin sekalian,

Malam ini dari segenap masjid dan surau di seluruh tanahair kedengaran takbir bergema bersyukur dan memuji Allah Yang Maha Kuasa menandakan ketibaan bulan Syawal tahun Hijrah 1393. Besok semua kaum Muslimin di Malaysia akan menyertai lima ratus juta umat Islam yang lain di serata dunia menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Bersempena dengan hari yang berbahagia ini, saya dengan penuh kesyukuran dan sukacita mengucapkan Selamat Berhari Raya kepada semua saudara-saudara Muslimin amnya dan kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam khususnya di mana-mana jua mereka berada, baik di dalam ataupun di luar negeri.

Selama sepanjang bulan Ramadhan, setiap umat Islam yang taat kepada suruhan Allah telah menunaikan fardhu Puasa sambil mengerjakan amal ibadat seperti yang dikehendaki olehNya. Malam ini marilah kita mengangkat kedua belah tangan bersyukur kepada Allah atas segala rahmat dan nikmat yang diturunkanNya kepada kita selama bulan Puasa ini serta atas taufik dan hidayahNya yang membolehkan kita mengerjakan ibadat Puasa dengan sempurna.

Seperti di tahun yang lalu, kali ini juga kita menjalankan kutipan derma untuk Tabung Ekonomi Islam serentak dengan kutipan fitrah. Saya percaya setiap orang akan tampil ke depan menyambut seruan suci itu yang bertujuan hendak membaiki kedudukan ekonomi orang-orang Islam khasnya kaum Bumiputra. Saya berseru supaya orang ramai menderma seberapa yang boleh untuk Tabung Ekonomi itu supaya segera terkumpul sejumlah modal yang besar untuk tujuan investment dan banking dan lain-lain kegiatan kewangan.

Islam menghendaki umatnya mengejar kemajuan di dunia dan bukan hanya untuk akhirat semata-mata supaya orang-orang Islam mencapai taraf kedudukan yang lebih baik di mata dunia

dan merebut semula martabat yang tinggi seperti di zaman kegemilangan Islam pada masa silam.

Saudara-saudara sekalian,

Sangatlah wajar bagi kita memuliakan Hari Raya Aidilfitri ini dengan cara yang sebaik-baiknya iaitu berusaha mengukuhkan tali silaturahim antara sesama saudara Islam di samping mempereratkan hubungan persahabatan dan muhibbah dengan mereka yang bukan Islam. Inilah inti dari pengajaran agama kita yang suci terutama dalam context masyarakat kita yang berbilang kaum di Malaysia ini.

Dua hari yang lalu, sahabat handai kita yang beragama Hindu telah merayakan Hari Kebesaran mereka Deepavali—Pesta Cahaya—yang sama-sama disambut oleh masyarakat am dari semua kaum. Ini adalah natijah yang amat baik dan jelas membuktikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai keyakinan penuh terhadap masa depan negara dan dengan penuh kesedaran berusaha menguatkan perpaduan rakyat serta membentuk keperibadian nasional di dalam masyarakat adil dan bersatu padu.

Bagaimanapun, semasa kita bersukaria menyambut hari dan bulan yang baik ini bersama-sama dengan sanak saudara dan sahabat handai di rumah dan di kampung, patutlah kita mengenang akan mereka yang telah mendahului kita ke alam baqa', terutama sekali tokoh-tokoh pejuang dan pahlawan bangsa yang telah berkorban membina serta mempertahankan negara dan tanahair yang dikasihi ini. Sebagai bangsa yang muda dan sedang membangun, amatlah mustahak bagi kita mempunyai nilai dan rasa kesedaran yang mendalam terhadap sejarah negara dan tokoh-tokoh pejuang nasional, mengingat bahawa perjuangan dan pengorbanan mereka itu akan menjadi pengajaran dan inspirasi kepada jenerasi-jenerasi akan datang. Tanpa kesedaran ini, kita tidak akan menjadi bangsa yang besar serta dihormati oleh negara-negara lain.

Begitu juga, pada ketika kita berhari raya bersama kaum keluarga, patutlah kita mengingati kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang sedang mengawal kawasan perbatasan Malaysia/Thai, di hulu sungai dan rimba raya Sarawak menjaga keselamatan kita dengan menghapuskan saki baki musuh yang masih berdegil hendak meneruskan niat jahat mereka terhadap

negara. Syukur Alhamdulillah, dengan adanya kerjasama dari orang ramai dan berkat ketabahan hati serta semangat keperwiraan para perajurit kita, keadaan keselamatan pada masa ini jauh bertambah baik dan dengan izin Allah suasana aman damai akan pulih segera supaya rakyat khususnya mereka yang diam di pedalaman dapat hidup dalam aman dan bahagia.

Adalah menjadi kewajiban setiap rakyat menunjukkan taat setianya kepada negara dengan memberikan sepenuh kerjasama kepada Pasukan Keselamatan supaya mereka dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh kejayaan. Kita sungguh merasa terhutang budi kepada para perajurit kita oleh kerana dengan pengorbanan mereka, maka kita dapat merayakan hari yang mulia ini dengan meriah tanpa sebarang kebimbangan. Saudara-saudara sekalian,

Selesai kita menempuh ujian Puasa dan menyempurnakannya, marilah kita menumpukan perhatian semula kepada usaha pembangunan untuk mencapai matlamat mendirikan masyarakat yang stabil, adil dan makmur. Seperti yang dimaklum, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telahpun berjalan hampir tiga tahun hingga sekarang ini dan satu pengkajian pertengahan penggal atau mid-term review telahpun selesai dibuat dan akan dibentangkan kepada sidang Parlimen bulan depan kelak.

Sayugia diingat usaha pembangunan yang sedang berlangsung di seluruh negara menghendaki tenaga dan kegiatan raksaksa kerana bukan saja kita berazam membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf ekonomi rakyat tetapi dalam mencapai matlamat itu adalah mustahak dipercepatkan usaha penyusunan semula masyarakat serta membasmi unsur-unsur peninggalan zaman penjajahan yang membelahbagikan masyarakat kita menurut kaum dan pekerjaan.

Di samping langkah Kerajaan menggembelingkan seluruh tenaga rakyat untuk usaha pembangunan, perlulah juga perubahan sikap dan pemikiran di kalangan rakyat sendiri supaya mereka bersama melibatkan diri bagi mendapat sepenuh faedah dari penyertaan mereka dalam rancangan besar-besaran itu. Dasar Ekonomi Baru menghendaki penyertaan yang positif dan dinamis dari semua pihak, swasta dan Kerajaan, secara individu atau berorganisasi, bukan sikap yang pasif dan hanya menerima saja.

Saya berpuashati iaitu pada amnya matlamat yang kita tentukan untuk tempoh pertengahan penggal itu bukan saja dapat tercapai bahkan melebihi dari apa yang dijangka, khasnya mengenai pertumbuhan ekonomi sepertimana yang dicerminkan oleh angka pengeluaran negara atau GNP yang meningkat kepada 10.6% berbanding dengan jangkaan asal sebanyak 6.5% bagi tempoh tersebut. Jelaslah bahawa perhitungan yang kita buat semasa merangka Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru sangat munasabah walaupun sering terdapat ramalan-ramalan yang kurang menyenangkan dari semasa ke semasa terutama dari kalangan tertentu. Kita bersyukur kepada Allah kerana dengan rahmatNya, hasil-hasil pengeluaran seperti getah dan kelapa sawit, balak dan bijih timah mendapat harga yang lumayan di pasaran dunia dan dengan itu membawa pendapatan yang lebih tinggi untuk rakyat khasnya orang-orang kampung dan kaum tani di luar bandar. Saya berharap sebahagian daripada pendapatan ini dapat disimpan untuk menjadi modal bagi orang-orang Melayu untuk menceburkan diri dalam lapangan perniagaan sebab satu daripada matlamat kita ialah hendak menambahkan kepunyaan modal orang-orang Melayu dan Bumiputra dalam perusahaan dan perniagaan.

Bagaimanapun, aspek yang maha penting dalam Dasar Ekonomi Baru tidaklah begitu memuaskan iaitu mengenai langkah menyusun semula masyarakat. Oleh kerana ini menghendaki perubahan mental di kalangan rakyat—meliputi sikap dan nilai-nilai hidup—maka tentulah mengambil masa yang agak panjang untuk melihat kesannya. Saya percaya Gerakan Pembaharuan yang dilancarkan pada tahun lalu dan sedang berjalan sekarang ini akan membawa kesan yang baik sebagaimana yang kita harapkan kerana tanpa adanya pandangan baru dan sikap ingin maju serta perubahan nilai-nilai sosial di pihak rakyat, maka kejayaan rancangan yang disusun demi kebaikan mereka sendiri itu tidak akan terjamin sepenuhnya. Saya berharap usaha-usaha di bawah Gerakan Pembaharuan ini dapat diperhebatkan lagi khasnya Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung hendaklah bergerak maju dengan cara yang lebih teratur dan berkesan supaya rakyat sebenar-benar dapat melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan negara kita.

Untuk beberapa tahun akan datang ini, tumpuan perhatian kita ialah untuk meluas dan meningkatkan kemajuan perindustrian

bukan di bandar-bandar besar sahaja bahkan terutama sekali di bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan baru luar bandar. Meskipun begitu, perkembangan di bidang pertanian akan terus digalakkan, dan pada hemat saya, inilah strateji yang paling berkesan untuk membawa kemajuan yang lebih pesat kepada kaum Bumiputra dalam context penyusunan semula masyarakat. Proses modernisation masyarakat Bumiputra hendaklah dipercepatkan menerusi langkah membandarisekan mereka di pusat-pusat pertumbuhan baru seperti yang dirancangkan di Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan di Seberang Perak.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka mengulangi lagi untuk menegaskan betapa mustahaknya penyusunan semula masyarakat untuk menjamin serta mengekalkan stability dan harmoni di kalangan rakyat. Ini adalah faktor utama bagi menentukan survival atau hidup matinya negara Malaysia yang dicintai ini dan Kerajaan akan melaksanakan dengan tegas rancangan-rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru sehingga tercapai matlamat yang kita cita-citakan itu.

Akhir kata, saya sekali lagi menyeru orang-orang Melayu dan Bumiputra khasnya agar mereka tidak lengah-lengah lagi menyambut cabaran dan peluang yang terbentang di depan mereka serta menyingsing lengan untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi menebus semula kemunduran yang kita alami selama ini.

Kerajaan telah mengadakan berbagai peluang latihan bagi menyediakan kaum belia untuk pekerjaan di bidang pertanian, perusahaan dan perdagangan. Semua ini hanya menanti untuk direbut supaya orang-orang kita yang tidak berpeluang selama ini dapat membaiki kedudukan ekonomi mereka serta membaiki taraf hidup kaum keluarga mereka sekurang-kurangnya hingga dapat setanding dengan orang-orang lain yang sudah maju. Kalau peluang ini diabaikan begitu saja atau dibiarkan terlucut dari tangan kita, maka tiada siapa lagi yang boleh disalahkan melainkan diri mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian;

Mengambil sempena hari yang mulia ini saya berdoa dan meminta agar timbullah kesedaran baru di kalangan rakyat yang

seterusnya meneguhkan keazaman mereka untuk menjadi manusia zaman baru yang mempunyai pandangan jauh serta cita-cita yang tinggi membina masyarakat adil dalam negara Malaysia yang moden, makmur dan bahagia bagi selama-lamanya.

Selamat Hari Raya dan Selamat malam.